



FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 22
Mei 2023 - Zulkaedah 1444H

QANA'AH : KEPERLUAN DAN KEHENDAK MENURUT ISLAM

A) Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-4; Qanaah bererti sikap berpada-pada, iaitu berpuas hati dengan apa yang ada.

Qana'ah adalah meninggalkan tamak terhadap sesuatu yang tidak ada dan menganggap cukup dengan sesuatu yang ada.

Peroleh Hayatan Tayyibah (al-Nahl: 97)

Hayatan Tayyibah ialah kesempurnaan, kebahagiaan, kesenangan, sifat qana'ah dan cukup daripada bergantung kepada yang lain sebaliknya sentiasa mengharapkan kepada Allah SWT. Begitu juga jauh daripada kesempitan jiwa dan keletihan.

Abdullah al-Tustari berkata: "Kehidupan yang baik di mana seorang hamba dicabut daripada terbelenggu dengan urusannya sendiri tetapi kembali kepada Allah Rabb al-'Alamin.

B) الْقَنَاعَةُ كَنْزٌ لَا يَفْنَى

"Qana'ah ibarat harta simpanan yang tidak akan binasa."
(Riwayat al-Baihaqi)

Kesan & Impak Memiliki Sifat Qana'ah

1. Kehidupan yang menyenangkan di dunia ini hanya milik orang yang puas dengan sesuatu yang tidak seberapa.
2. Qana'ah ialah orang yang paling kaya merasa bahagia kerana tidak pernah iri terhadap orang lain.

“Hamba itu merdeka selama mana dia bersifat qana'ah. Sebaliknya, orang merdeka menjadi hamba selama mana tamak

Maka bergana'ahlah dan jangan kamu tamak. Tidak ada sesuatu yang hina kecuali tamak.”

Kata
Imam
al-Syafi'e